



Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan beragama Islam untuk mengisi kekosongan jawatan **Kerani Sambilan Operasi Haji Tanah Air Musim Haji 1447H/2026M** seperti berikut :-

- Jawatan** : Kerani Visa (bertaraf Sambilan)
- Tempoh Pelantikan** : Satu (1) hingga tiga (3) bulan sahaja.
(Tertakluk kepada jadual Operasi Haji Tanah Air Musim Haji 1447H/2026M)
- Lokasi Operasi** : Kuala Lumpur

SYARAT-SYARAT

1. Syarat-syarat pengambilan adalah seperti berikut : -
 - 1.1 Sekurang-kurangnya memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) / Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) / Diploma atau setaraf dengannya.
 - 1.2 Calon mestilah berumur di antara 18 hingga 45 tahun.
 - 1.3 Terbuka kepada calon yang menetap di sekitar Lembah Klang sahaja.
 - 1.4 Berkebolehan mengendalikan sistem komputer.
 - 1.5 Berpengalaman dalam bidang kerja memasukkan data maklumat. Pengalaman dalam memasukkan maklumat Visa Umrah/Haji adalah satu kelebihan.
 - 1.6 Boleh membaca, menulis dan bertutur Bahasa Arab serta berkebolehan menaip *Arabic* akan diberi keutamaan.

Pemohon yang berminat boleh memohon dengan cara mengisi maklumat di pautan berikut :-

<https://forms.gle/FfGXkxJK4GK9346u5>

Calon-calon yang berminat boleh memohon dengan menghantar **resume lengkap** dan sertakan **1 keping gambar**. Permohonan yang lengkap perlu dihantar pada atau sebelum **12 Disember 2025** ke alamat emel seperti berikut:

hr@thtravel.biz